

**Dr Mahathir Terima Anugerah Tokoh Pereka Negara
Bernama
27 Mac, 2012**

SHAH ALAM, 27 Mac (Bernama) -- Mantan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad menerima Anugerah Tokoh Pereka Negara sebagai menghargai sumbangan beliau dalam membangunkan Malaysia menerusi bidang inovasi reka bentuk.

Anugerah itu disampaikan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Maximus Ongkili pada Majlis Pengiktirafan Malaysia Good Design Mark (MGDM) 2011 anjuran Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM) di sini.

Turut hadir isteri Dr Mahathir, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dr Mahathir dalam ucapan penerimaannya berkata beliau berharap produk tempatan akan mendapat sambutan di seluruh dunia bukan saja kerana kehebatan kualitinya, tetapi juga dari segi reka bentuk.

Sementara itu, Maximus berkata anugerah tersebut adalah sebagai menghargai jasa Dr Mahathir menubuhkan MRM pada 1993 bagi meningkatkan daya saing produk keluaran tempatan menerusi inovasi bagi membolehkan ia bersaing di peringkat antarabangsa.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655289>